BAHASA MELAYU – TAHUN 6
FAHAMAN

Baca petikan di bawah ini kemudian jawab soalan-soalan yang telah disediakan.

Tajuk : **Pulau Lumut Lunting**



Lumut Lunting terletak di antara Pulau Sibungur dengan Pulau Berambang di kawasan Sungai Brunei. Lumut Lunting adalah merupakan legenda yang dikaitkan mengenai dengan kisah persabungan ayam di antara Brunei dengan Majapahit seperti yang terdapat dalam Syair Awang Semaun.

Menurut Syair Awang Semaun, ketika Brunei diperintah oleh Awang Alak Betatar, Betara Majapahit yang bernama Raden Angsuka Dewa telah datang ke Brunei untuk mengadakan perlawanan bersabung ayam. Raden Angsuka Dewa mempunyai seekor ayam sabung yang perkasa diberi nama Asmara. Di Brunei juga terdapat ayam sabung yang perkasa, dipunyai oleh Awang Senuai iaitu anak saudara Awang Alak Betatar. Ayam tersebut diberi nama Mutiara. Ratu Majapahit telah menyatakan kepada Raja Brunei untuk mengadakan perlawanan bersabung ayam.

LIVEWORKSHEETS



Dalam perlawanan itu Betara Majapahit telah membuat pertaruhan iaitu jika ayamnya kalah, baginda akan menyerahkan 40 buah kapal serta isi harta di dalamnya kepada Raja Brunei dan sebaliknya jika ayam Raja Brunei kalah, Raja Brunei hendaklah menyerahkan sebahagian daripada wilayah kekuasaan baginda kepada Majapahit.

Dalam persabungan itu, ayam Ratu Majapahit telah kalah dan terbang melarikan diri, lalu jatuh ke laut berdekatan dengan Pantai Muara dan seterusnya menjadi batu, dikenali dengan nama Pilong-Pilongan. Kekalahan ini menyebabkan Ratu Majahapit merasa malu dan murka lalu menyumpah Mutiara menjadi batu.

Mutiara yang sedang terbang telah jatuh ke Sungai Brunei dan menjadi batu yang seakan-akan menjadi sebuah pulau kecil dan dikenali dengan nama Lumut Lunting.

LIVEWORKSHEETS

Jawab semua soalan di bawah ini dengan jawapan yang lengkap :

1. Di manakah terletaknya Pulau Lumut Lunting ini?
   Pulau Lumut Lunting terletak di antara _____ dengan Pulau Berambang di kawasan Sungai Brunei.

2. Pulau Lumut Lunting ini dikaitkan dengan kisah apa?
   Pulau Lumut Lunting ini dikaitkan dengan kisah _____ di antara Brunei dengan Majapahit.

3. Siapakah nama Betara Majapahit yang telah datang ke Brunei untuk mengadakan perlawanan bersabung ayam itu?
   Nama Betara Majapahit yang telah datang ke Brunei untuk mengadakan perlawanan bersabung ayam itu ialah _____.

4. Apakah nama ayam Raden Angsuka Dewa?
   Nama ayam Raden Angsuka Dewa ialah _____.

5. Apakah nama ayam Awang Senuai?
   Nama bagi ayam Awang Senuai ialah _____.

6. Siapakah yang mula-mula ingin mengadakan persabungan ayam itu?
   Yang mula-mula ingin mengadakan persabungan ayam ialah _____.

LIVEWORKSHEETS

7. Apakah pertaruhan Betara Majapahit dalam perlawanan persabungan ayam itu?

Pertaruhan Betara Majapahit dalam perlawanan persabungan ayam itu ialah baginda akan menyerahkan _____ serta isi harta di dalamnya kepada Raja Brunei.

8. Apakah yang telah terjadi kepada Betara Majapahit di dalam perlawanan persabungan ayam itu?

Yang telah terjadi kepada Betara Majapahit di dalam perlawanan persabungan ayam itu ialah ayam Betara Majapahit telah _____ dan terbang melarikan diri lalu menjadi batu.

9. Apakah yang telah terjadi kepada ayam Mutiara?

Yang telah terjadi kepada ayam Mutiara ialah disumpah menjadi _____ oleh Ratu Majapahit.

10. Mutiara telah disumpah menjadi batu yang seakan-akan sebuah pulau yang dinamakan apa?

Mutiara telah disumpah menjadi batu yang seakan-akan sebuah pulau yang dinamakan Pulau_____.

LIVEWORKSHEETS